

21/02/1999

Mahathir kekal memimpin negara

BANGI: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan kekal memimpin negara selagi beliau terus diterima Umno.

Menurutnya, Perdana Menteri adalah seorang yang pintar dan selagi Umno menang dalam pilihan raya dan mendapat majoriti dalam Parlimen, beliau akan terus menerajui negara.

"Satu kelebihan utama Dr Mahathir ialah beliau yakin penuh kepada apa yang dibuatnya. Dr Mahathir amat berkeyakinan atas diri sendiri dan atas apa yang dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan seorang peserta pidato umum di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini semalam. Pidato bertemakan Malaysia Dalam Era Globalisasi: Suatu Pandangan Bekas Seorang Timbalan Perdana Menteri dianjurkan oleh Kelab Pemidato UKM.

Musa menggambarkan ketelitian Perdana Menteri dengan menceritakan bagaimana Perdana Menteri dalam satu mesyuarat Kabinet mahu menteri memastikan lampu jalan diletakkan dengan baik.

"Dr Mahathir pintar dalam pelbagai perkara. Saya tak pasti orang lain begitu pintar dalam pelbagai perkara," katanya.

"Jadi berasaskan kepada fahaman saya, selagi Umno menerima Dr Mahathir dan selagi Umno menang dalam pilihan raya umum dan parti majoriti dalam Parlimen, selagi itulah Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri," kata beliau.

Dalam konteks ini Musa berkata, politik negara masih berpusat kepada Umno dan berpusat kepada Melayu yang berasaskan kedudukan Umno sebagai parti terbesar dan menguasai Parlimen.

"Sebagai presiden Umno dan ketua parti terbesar di Parlimen, orang itulah yang ditunjukkan sebagai Perdana Menteri, katanya.

Musa berkata, berpanduan kepada sistem sekarang, adalah wajar untuk menyerahkan kepada anggota parti dan masyarakat yang mempunyai kuasa mengundi bagi menentukan perjalanan negara ini.

"Undi masih rahsia. Banyak orang yang menentang kerajaan dan parti yang menentang kerajaan pun terpilih. Tapi jangan lupa, mengikut demokrasi, majoriti satu masih adalah majoriti," katanya.

(END)